



NOTIS KEPADA JURURUNDING EIA BIL.2/2022

JABATAN ALAM SEKITAR

**PEMAKAIAN RANCANGAN PEMAJUAN (RANCANGAN STRUKTUR,
RANCANGAN FIZIKAL ATAU RANCANGAN TEMPATAN DAERAH)
DALAM MELULUSKAN LAPORAN PENILAIAN
KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (EIA) BAGI MEMATUHI
KEPERLUAN SUBSEKSYEN 34A(4)(a), AKTA KUALITI ALAM
SEKELILING 1974**

Tuan/Puan,

1. Seperti Tuan/Puan sedia maklum, Lembaga Rayuan di bawah Seksyen 36, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] yang telah menetapkan kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) bagi *The Proposed Reclamation and Dredging works for Penang South Reclamation* pada 25 Jun 2019 yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling pada 25 Jun 2019 diketepikan kerana keputusan tersebut adalah tidak sah dan terbatal. Keputusan ini berkait rapat dengan keperluan Ketua Pengarah untuk memastikan keperluan yang dinyatakan di bawah Seksyen 34A(4)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah dipatuhi sebelum meluluskan mana-mana Laporan EIA tersebut.

Seksyen 34A(4)(a) menyatakan:

(4) Jika Ketua Pengarah, apabila meneliti laporan itu dan selepas membuat apa-apa penyiasatan sebagaimana yang difikirkannya perlu, berpendapat bahawa –

(a) Laporan itu tidak mengikut rancangan pemajuan atau rancangan fizikal yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan yang berkaitan; atau

(b) Laporan itu tidak memenuhi kehendak di bawah subseksyen 2(c)

dia tidak boleh meluluskan laporan itu, dengan memberikan alasan untuk tidak meluluskan, dan hendaklah memaklumkan orang itu dan pihak berkuasa yang meluluskan yang berkaitan dengan sewajarnya.

2. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini telah menetapkan perkara-perkara yang dinyatakan di dalam **MATRIKS BAGI PENILAIAN KEPADA LAPORAN EIA BAGI TUJUAN MELULUSKAN LAPORAN EIA DAN ISU PENYELARASAN PEMAKAIAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH / RANCANGAN FIZIKAL** seperti di **Lampiran A** diambil kira dalam menjalankan kajian EIA dan semasa membuat pengemukaan Laporan EIA kepada Jabatan Alam Sekitar bagi memastikan keperluan yang dinyatakan di bawah Seksyen 34A(4)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah dipatuhi.
3. Jabatan ini juga dalam membuat pertimbangan bagi tujuan meluluskan Laporan EIA, aspek pematuhan kepada Seksyen 34(A) akan diutamakan bagi mengelakkan konflik pematuhan kepada AKAS 1974 dan Rancangan Tempatan yang sedang digunakan.

Sekian.

**JABATAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR
10 NOVEMBER 2022**

Maklumat lanjut, hubungi:

Urusetia Skim Pendaftaran Jururunding EIA

Jabatan Alam Sekitar

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA)

Aras 3, Podium 3, Wisma Sumber Asli

No. 25, Persiaran Perdana

Presint 4

62574 W.P. PUTRAJAYA

Emel: skeia@doe.gov.my

LAMPIRAN A

MATRIKS BAGI PENILAIAN KEPADA LAPORAN EIA BAGI TUJUAN MELULUSKAN LAPORAN EIA DAN ISU PENYELARASAN PEMAKAIAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH /RANCANGAN FIZIKAL

Negeri	Pembuktian yang perlu ada dalam Laporan EIA
Bagi Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia	<p>Dalam menentukan apakah <i>rancangan pemajuan yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan</i> seperti mana subseksyen 34A(4),Akta 127, ianya merujuk kepada:</p> <ul style="list-style-type: none">i) rancangan pemajuan, khususnya RT yang telah diwartakan di bawah subseksyen 15(4) Akta 172; atauii) rancangan pemajuan, khususnya RT terkini yang telah mendapat persetujuan PBN di bawah subseksyen 15(1C) , Akta 172. <p>yang mana lebih terkini.</p> <p>1. Bagi tujuan penilaian Laporan EIA, semakan keselarasan cadangan pembangunan dengan Rancangan Pemajuan perlu mengambil kira pembuktian seperti berikut:</p>

Negeri	Pembuktian yang perlu ada dalam Laporan EIA
	<p>i) Notis/nombor Warta Negeri yang mengandungi fakta persetujuan PBN terhadap RT di bawah subseksyen 15(4), Akta 172; atau Minit Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) yang telah memberi persetujuan di bawah subseksyen 15 (1C) , Akta 172.</p> <p style="text-align: center;">yang mana lebih terkini</p> <p>ii) Maklumat Kelas Kegunaan Tanah bagi Blok Perancangan yang berkaitan; dan</p> <p>iii) Ulasan bertulis daripada agensi yang mengawal selia perancangan di negeri (PLANMalaysia Negeri/ PLANMalaysia Ibu Pejabat).</p> <p>2. Sekiranya perlu, lain-lain rancangan pemajuan yang boleh dirujuk adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Rancangan Fizikal Negara ii) Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RPP) iii) Rancangan Struktur Negeri iv) Rancangan Kawasan Khas

Negeri	Pembuktian yang perlu ada dalam Laporan EIA
	v) Dasar-dasar yang berkaitan dengan aktiviti yang ditetapkan.
Bagi Negeri Sabah	<p>1. Bagi tujuan penilaian Laporan EIA, semakan keselarasan cadangan pembangunan dengan Rancangan Pemajuan perlu mengambil kira pembuktian seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Sabah Structure Plan 2033 yang diluluskan oleh Yang di Pertua Negeri dan diwartakan sepetimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 4E(4) Ordinan Perancangan Bandar dan Desa [Sabah Bab 141] menggariskan dasar yang selaras dengan pembangunan dicadang; ii) Draf bagi District Plans and Local Plans mengambilkira cadangan pembangunan yang akan dilaksanakan; iii) Ulasan bertulis daripada agensi yang mengawal selia perancangan di negeri (Jabatan Perancang Bandar & Wilayah Sabah); dan iv) Maklumat Kelas Kegunaan Tanah bagi perancangan yang berkaitan (sekiranya perlu).

Negeri	Pembuktian yang perlu ada dalam Laporan EIA
Bagi Negeri Sarawak	<p>1. Bagi tujuan penilaian Laporan EIA, semakan keselarasan cadangan pembangunan dengan Rancangan Pemajuan perlu mengambil kira pembuktian seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Kanun Tanah Sarawak [Bab 81], Bahagian X berdasarkan fungsi Majlis Perancangan Negeri (<i>State Planning Authority</i>) yang diperuntukkan di bawah Kanun Tanah Sarawak yang menggariskan dasar bagi cadangan pembangunan. Ulasan bertulis daripada agensi Kerajaan Negeri yang berkaitan seperti <i>Economic Planning Unit (EPU)</i>, <i>State Planning Authority (SPA)</i> berkaitan kelulusan dasar terhadap mana-mana cadangan pembangunan di dalam negeri Sarawak; ii) Ulasan bertulis daripada agensi yang mengawal selia guna tanah di negeri; iii) Pelan perancangan pembangunan negeri seperti <i>Master Plan</i>, Pelan Gunatanah dan sebagainya; dan/atau iv) Maklumat Kelas Kegunaan Tanah bagi perancangan yang berkaitan (sekiranya perlu).

Negeri	Pembuktian yang perlu ada dalam Laporan EIA
Bagi Negeri WP Labuan	<p>1. Bagi tujuan penilaian Laporan EIA, semakan keselarasan cadangan pembangunan dengan Rancangan Pemajuan perlu mengambil kira pembuktian seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Rancangan Fizikal Negara dirujuk terlebih dahulu dengan menunjukkan keselarasan pembangunan ; dan/atau ii) Kelulusan Kebenaran Merancang daripada Perbadanan Labuan; iii) Ulasan bertulis daripada agensi yang mengawal selia guna tanah WP Labuan. <p><i>*Labuan masih belum mempunyai rancangan pemajuan yang telah diwartakan oleh pihak berkuasa yang meluluskan.</i></p>

Nota:

Tidak terhad kepada rancangan pemajuan di atas, penyedian laporan EIA juga boleh merujuk kepada mana-mana dokumen perancangan yang diiktiraf oleh Kerajaan Negeri (untuk Sabah , Sarawak dan WP Labuan)